

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : DATUK JUMAT BIN IDRIS [ SEPANGGAR ]  
**TARIKH** : 19 MAC 2014

**SOALAN:**

**Datuk Jumat bin Idris [ Sepanggar ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah mekanisme Kerajaan untuk memastikan projek-projek pembangunan yang dilaksanakan tidak mengganggu alam sekitar yang sedia ada yang menjadi punca berlakunya banjir terutamanya di kawasan Sepanggar.

## JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pematuhan kepada peraturan, garis panduan, pelan dan manual yang digariskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan adalah penting dalam meluluskan dan melaksanakan projek-projek pembangunan seperti berikut:

1. Pematuhan oleh pihak pemaju ke atas peraturan di dalam Undang-Undang Kecil Kerja-kerja Tanah di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
2. Setiap pembangunan yang baru juga diwajibkan mematuhi garis panduan Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) yang terkandung dalam Manual Saliran Mesra Alam (MSMA), khususnya penyediaan *Erosion and Sediment Control Plan* (ESCP) bagi kerja-kerja tanah sebagai langkah untuk mengelakkan kelodak dari memasuki sistem peparitan sedia ada dan sungai;
3. Pelan mitigasi bagi setiap kerja tanah perlu disediakan sebelum kerja-kerja tanah dimulakan dan pemantauan dibuat dari semasa ke semasa dengan kerjasama PBT; dan
4. Pelaksanaan Kajian Environmental Impact Assesment (EIA) dan pematuhan kepada syarat-syarat EIA.

Sekian, terima kasih.